

Tanah runtuh di Puchong

Masih ada berlaku pergerakan tanah

Serdang: Beberapa petugas agensi kerajaan masih meneruskan siasatan di kawasan tanah runtuh di Jalan Wawasan 3/9, Taman Wawasan, Puchong, di sini, yang menjejaskan sembilan kediaman dalam insiden Sabtu lalu.

Pegawai Daerah Petaling Jaya, Rahilah Rahmat, berkata pemeriksaan di tempat kejadian sedang dijalankan Jabatan Mineral dan Geosains (JMG).

"Pemeriksaan di lokasi diteruskan, hari ini (semalam), oleh JMG bersama pegawai dari Bahagian Cerun dan Forensik, Jabatan Kerja Raya (JKR)," katanya, semalam.

Rahilah yang juga Pengerusi Bencana Daerah Petaling memaklumkan setakat jam 3.30 petang kelmarin, 46 cerucuk besi sudah dipasang di kawasan cerun runtuh dan kerja menanam

cerucuk diteruskan semalam.

"Sebuah kereta dikeluarkan dari kawasan runtuhan pada jam 6 petang semalam (kelmarin).

"Pusat pemindahan sementara (PPS) ditutup pada jam 9 malam tadi (malam kelmarin) dengan 29 penghuni sembilan rumah terjejas itu berpindah ke rumah saudara-mara mereka," katanya.

Pagi semalam, Rahilah bersama beberapa petugas Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan dan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) melawat tempat kejadian.

Kejadian tanah runtuh itu dilaporkan berlaku kira-kira jam 7.30 malam Sabtu lalu susulan hujan lebat bermula jam 5.45 petang, menyebabkan 29 penghuni sembilan rumah di Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14 diarahkan berpindah atas faktor keselamatan.



Anbalagan meninjau kejadian tanah runtuh di Taman Wawasan, Puchong, semalam.

(Foto Aizuddin Saad/BH)

Sementara itu Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner AA Anbalagan, berkata 46 cerucuk besi sudah dipasang kelmarin dan kerja menanam cerucuk besi serta pembaikan cerun di kawasan tanah runtuh di Jalan Wawasan 3/9 dan 3/14 diteruskan semalam.

Beliau berkata, hasil peman-tauan mendapati masih ada pergerakan tanah dikesan berlaku

pada petang kelmarin.

"Kira-kira jam 3.30 petang semalam (kelmarin), didapati ada pergerakan tanah, iaitu simen hadapan pintu pagar beberapa rumah mulai runtuh," katanya.

Mengenai empat kenderaan yang menggelungsur akibat kejadian itu, Anbalagan berkata, sebuah daripadanya sudah dikeluarkan kira-kira jam 6 petang kelmarin, menggunakan kren.

Jurucakap MBSJ pula memaklumkan, pelan mitigasi jangka panjang sedang dibincang bagi memastikan kejadian seumpama itu tidak berulang.

Katanya, siasatan pelbagai jabatan sedang dijalankan bagi menentukan pelan tebatan jangka panjang yang bersesuaian, dengan perbincangan membabitkan pihak MBSJ bersama JKR dan JMG.